

PENYAKIT SAMPAR AYAM



NEWCASTLE DISEASE

Apa itu penyakit sampar ayam atau Newcastle Disease(ND)?

Penyakit Sampar Ayam atau Newcastle Disease(ND) adalah disebabkan oleh jangkitan *Paramyxovirus*

Bagaimana jangkitan ini boleh merebak?

Perebakan boleh berlaku melalui udara, makanan dan air yang tercemar dengan virus ND

Apakah tanda-tanda penyakit ND?

1. Ternakan ayam kurang selera makan, lemah kelesuan dan murung (Monyok)
2. Kepala/leher ayam menjadi teleng akibat gangguan saraf serta sukar bernafas
3. Bulu ayam kelihatan pudar dan meremang, kepak ayam jatuh serta berak kapur (najis cair keputihan/kehijauan)
4. Kaki ayam menjadi kemerahan
5. Kadar kematian ayam sehari meningkat secara luar biasa melebihi 3%

Bagaimana untuk mencegah ND?

1. Penvaksinan ND secara berjadual untuk memastikan immuniti ternakan di tahap optimum
2. Kawal pergerakan di antara ternakan ayam yang dijangkiti penyakit ND dengan ternakan ayam yang sihat
3. Mengamalkan pengurusan perladangan yang baik dengan memastikan tahap biosekuriti yang terbaik

Apa yang perlu dilakukan sekiranya ternakan ayam anda dijangkiti penyakit ND?

1. Laporkan kejadian penyakit kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar berdekatan

Apakah kaedah bagi mengawal penyakit ND?

1. Asing singkir dan pemusnahan ternakan ayam
2. Disinfeksi peralatan dan reban yang tercemar
3. Karkas ayam perlu dilupuskan dengan cara menanam/ bakar dengan segera di kawasan yang telah dijangkiti penyakit ND

Tahukah anda bahawa virus ND boleh merebak melalui pakaian dan anggota badan yang tercemar Pastikan anda membersihkan anggota badan dan pakaian setelah menguruskan ternakan yang dijangkiti ND dan kurangkan pergerakan ke kawasan tercemar.

Sekiranya didapati ayam anda mati secara tiba-tiba, kemungkinan ia disebabkan oleh penyakit Sampar Ayam (New castle Disease). Laporkan dengan segera kejadian tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar berdekatan anda!

